

TARIKH: 25/8/23.
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 25

GOR/KL **NEGERI** | 25

Lebih 300 majikan ingkar dikompaun

SABAK BERNAM - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sudah mengeluarkan 327 notis kompaun berjumlah RM279,500 kepada lebih 300 majikan dalam 'Ops Kesan' di seluruh negeri ini.

Pengarah Perkeso Selangor, Ismail Abi Hashim berkata, pihaknya telah melakukan sebanyak 25 pemeriksaan membabitkan 1,568 premis sejak 1 Julai lalu.

Menurutnya, sebanyak 198 notis kompaun berjumlah RM170,500 dikeluarkan terhadap majikan atas kesalahan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

"Sebanyak 129 kompaun berjumlah RM109,000 pula dikeluarkan terhadap majikan dan pekerja bagi kesalahan mengikut Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

"Mereka yang didapati bersalah boleh dipenjarakan maksimum dua tahun atau denda sehingga RM10,000 atau keduanya sekali," katanya selepas Ops Kesan di Sungai Besar pada Khamis.

Ismail berkata, majikan yang mempunyai walau seorang pun pekerja bergaji wajib mendaftar dan mencajarkan di Perkeso.

ms 25
Negeri
Sinar Harian
Jumaat
25/8/2023
Negeri